

PIAGAM PELANGAN DAN DASAR SULIT

Di OCBC, kami sangat komited untuk melindungi dan merahsiakan segala maklumat peribadi yang diberikan. Bagi tujuan ini kami telah mengambil langkah-langkah keselamatan yang terperinci untuk mencegah sebarang akses yang tidak sah yang boleh menyebabkan kerosakan, perubahan, kecurian data atau kompromi terhadap maklumat sulit data pelanggan kami. Laman web kami menggunakan produk perisian dan peranti keselamatan komersial yang unggul dalam sistem, rangkaian, dan infrastruktur aplikasi. Produk-produk keselamatan termasuk penghalang, tembok api dan sistem pengoperasian yang selamat.

Piawai industri 128-bit SSL (lapisan soket keselamatan) untuk protokol komunikasi adalah piawaian pengesahan dua faktor yang digunakan untuk melindungi data perhubungan di antara pelayar dan sistem OCBC. Ini dapat memastikan rahsia transaksi, integriti mesej dan pengesahan pelayar menggunakan teknologi digital yang telah diiktiraf. Selain itu dan paling penting, semua katalaluan dirahsiakan dan disulitkan dari browser ke sistem OCBC.

Di OCBC, semua sambungan harus melalui sekurang-kurangnya satu penghalang dan satu tembok api untuk mendekati komputer pelayan. Tembok api akan menyemak alamat rangkaian adalah dari sumber-sumber yang tepat, dan mampu menyekat lalulintas ke komputer pelayan yang tepat.

Ciri-ciri keselamatan teknikal tambahan meliputi:

Sijil digital Verisign, penyulitan 128-bit, dan log keluar automatik selepas had waktu yang ditetapkan.

Sila ambil perhatian bahawa anda juga memainkan peranan dalam sistem keselamatan:

Walaupun kami berusaha sedaya upaya untuk menyediakan pelbagai sistem yang selamat, terkawal dan boleh dipercayai, kami tidak mempunyai kawalan ke atas komputer, perisian komputer, sistem dan perkara lain yang digunakan oleh anda untuk mengakses sistem dan penularan lebih banyak melalui Internet tidak dapat dijamin atau diwakili sebagai sesuatu yang selamat. Anda tidak boleh berkongsi ID pengguna atau kata laluan anda dengan orang lain, anda tidak harus memaparkan maklumat Akaun anda di tempat yang boleh dilihat oleh orang lain, dan jangan membiarkan komputer tanpa diawasi.

DASAR SULIT

Di OCBC, kami menghormati hak peribadi setiap individu. Hubungan kami dengan anda adalah aset paling berharga dan merupakan asas untuk nama dan reputasi kami. Samaada anda seorang pelanggan OCBC, pengguna berdaftar atau pengunjung laman web kami, kami memahami kepentingan anda terhadap kerahsian dan keselamatan maklumat yang secara peribadi mengenalpasti anda atau maklumat Akaun anda. Kami merujuk dan mengenali maklumat ini sebagai "maklumat peribadi". Kami menerangkan lagi dasar sulit berikutnya untuk anda.

Dasar Sulit OCBC

Maklumat Yang Dikumpul Oleh OCBC dan Bagaimana Maklumat Itu Digunakan

Apabila anda mendaftar di OCBC, kami meminta maklumat peribadi anda seperti butiran untuk menghubungi anda. Selain butiran tersebut, maklumat lain yang kami perlukan merangkumi maklumat kewangan dan perbankan yang boleh merangkumi pendapatan, aset kredit, dan hutang lain bergantung kepada produk dan perkhidmatan yang anda memohon dan melanggan. Maklumat ini membolehkan kami memberikan perkhidmatan peribadi dan menghubungi anda secara persendirian. Walaupun anda boleh menolak untuk memberikan kami maklumat tersebut berdasarkan sebarang alasan, keengganan anda mungkin menyebabkan anda tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya produk dan perkhidmatan dan seterusnya kami tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian yang bakal timbul. Setiap kali kami mengumpulkan maklumat peribadi anda, kami akan merujuk kepada dasar ini atau

menjelaskan kepada anda bagaimana kita berniat untuk menggunakan maklumat tersebut. Kami menggunakan maklumat peribadi anda hanya untuk tujuan asal semasa kami memintanya. Sebagai contoh, kami akan menggunakan maklumat yang anda berikan untuk memproses permintaan dan transaksi anda, untuk memberi anda maklumat tambahan mengenai produk dan perkhidmatan, atau untuk menilai keperluan kewangan anda. Untuk melakukannya, kami akan berkongsi maklumat peribadi anda dengan ejen atau sekutu supaya mereka dapat melakukan hal yang sama dan mereka mungkin menyampaikan maklumat yang dipegang oleh mereka mengenai anda kepada kami sehingga kami dapat melakukan hal yang sama. Kami menghadkan pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi untuk apa yang diperlukan untuk menguruskan perniagaan kami dan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anda. Ini mungkin termasuk menasihati anda tentang produk atau perkhidmatan kami, sekutu-sekutu kami, dan peluang lain yang kami percaya mungkin menarik bagi anda.

Untuk memberi layanan yang lebih baik, kami boleh menggabungkan maklumat yang anda berikan di laman web atau melalui saluran yang lain. Kami juga menggunakan maklumat agregat tentang penggunaan perkhidmatan kami untuk menilai keutamaan anda, meningkatkan perkhidmatan kami, dan membuat laporan tentang penggunaan internet. Seperti kebanyakan laman web, kami menggunakan saiz data kecil yang dipanggil cookies yang disimpan dalam komputer pengguna untuk memastikan sambungan yang berterusan. Cookies boleh "mingati" maklumat utama anda dan membolehkan anda bebas menggunakan perkhidmatan kami tanpa mengulangi pengenalan diri. Maklumat yang diperoleh daripada anda disimpan dengan selamat dan dikawal ketat. Sebagai contoh, jika anda menghantar alamat e-mel anda kepada OCBC untuk menerima maklumat terkini tentang promosi, barangan dan perkhidmatan kami, kami menyimpannya dalam komputer pelayan yang selamat dan kami hanya menggunakannya untuk tujuan menghantar maklumat yang diminta kecuali anda pernah bersetuju untuk menerima bahan pemasaran.

Prosedur Keselamatan untuk Melindungi Maklumat

Kami amat komited untuk melindungi keselamatan maklumat peribadi anda. Untuk tujuan ini, kami telah menempatkan sistem kawalan yang diperlukan untuk menjamin keselamatan dan rahsia maklumat pelanggan kami pada setiap masa. Piawai keselamatan dan prosedur ini terus dipelihara walaupun hubungan bank dengan pelanggan mungkin telah dihentikan atau berakhir. Untuk maklumat lebih lanjut tentang langkah-langkah keselamatan kami, sila lihat kenyataan kami mengenai Dasar dan Ciri-ciri Keselamatan.

Kami juga mempraktikkan peraturan ketat dengan membenarkan pegawai kami untuk mengakses maklumat anda apabila diperlukan dan berkenaan sahaja berdasarkan dasar perlu--tahu sahaja. Pegawai kami telah dididik tentang hak persendirian dan kerahsiaan anda. Pegawai yang melanggar dasar korporat kami akan dikenakan tindakan disiplin yang bersesuaian.

Perkongsian maklumat.

Kami hanya akan berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak yang telah dinyatakan dalam dasar ini, kecuali jika kami memberikan notis tambahan atau meminta izin anda atau anda telah mengizinkan sebelumnya. Kami berhak untuk mendedahkan atau melaporkan maklumat peribadi dalam situasi yang diperlukan di mana pendedahan ini diperlukan dan dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan-peraturan untuk memberi kerjasama dengan pihak berkuasa atau pihak lain yang mempunyai bidang kuasa di atas kami. Pihak berkuasa boleh meminta arahan atau transaksi yang diberikan atau dibuat oleh anda, untuk melakukan pemeriksaan kredit anda, mengumpul laporan hutang atau pinjaman anda untuk melindungi hak-hak kami atau harta, atau di atas permintaan yang sewajarnya oleh unit amanah yang anda melabur.

Kami akan melindungi kesulitan maklumat peribadi yang anda berkongsi dengan kami. Semasa kami berkongsi maklumat peribadi dengan ejen atau sekutu, kami melindungi

maklumat peribadi di bawah perjanjian sulit yang ketat. Syarikat yang dilantik oleh kami untuk memberikan perkhidmatan sokongan atau bertindak sebagai agen kami harus memenuhi piawaian sulit kami. Kadang kala, kami mungkin membantu syarikat tidak sekutu dengan OCBC dalam menyediakan atau menawarkan produk atau perkhidmatan kepada anda. Sebagai contoh, jika anda adalah pelanggan unit amanah, kami mungkin berkongsi maklumat peribadi dengan syarikat atau agen unit amanah atau gabungannya. Dalam keadaan ini, bahan pemasaran di laman web ini mengandungi panduan tentang bagaimana anda boleh memohon untuk tidak menerima komunikasi mereka di masa hadapan. Maklumat peribadi anda dilindungi dibawah perjanjian sulit pada sebarang keadaan. Kami tidak membenarkan syarikat tidak bersekutu untuk menyimpan maklumat peribadi anda untuk tempoh yang lebih lama daripada yang dibenarkan untuk menyediakan produk, perkhidmatan, atau maklumat, kecuali anda telah mengizinkan untuk kami berbuat sedemikian.

Ketepatan Maklumat

Kami akan berusaha untuk menyimpan data-data pelanggan dengan lengkap, tepat dan terkini. Jika anda musykil, kemungkinan data yang kami simpan tidak tepat, tidak lengkap atau tidak dikemaskini, maklumkan kami secara bertulis, di mana kami akan mengemaskini dengan segera. Anda juga boleh menghubungi kami di Bank OCBC 1300-88-5000 / OCBC Al-Amin 1300-88-0310 atau mengakses butang "Hubungi Kami" di halaman web kami.

Aduan Pelanggan

Anda boleh mengajukan sebarang soalan, cadangan atau aduan berkaitan dengan pegawai yang mengendalikan akaun anda dengan mengakses butang "Hubungi Kami" di halaman web kami.

PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI DAN DIYAKINI

Di OCBC, kami sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang diyakini dan berkualiti kepada pelanggan kami. Kami akan memastikan bahawa semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan ini mempunyai kepakaran dan kemahiran yang diperlukan. Kami akan hanya menawarkan perkhidmatan dan produk yang sesuai dengan keperluan dan tujuan anda. Kami akan mencapai hasrat ini dengan memahami sepenuhnya tujuan dan objektif di samping memastikan mutu perkhidmatan yang konsisten dan berkesan.

KETELUSAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Kami akan memastikan bahawa penerangan dan butiran produk dan perkhidmatan yang ditawarkan secara online adalah jelas dan benar. Kami amat mengalu-alukan sebarang maklum balas daripada anda tentang produk dan perkhidmatan kami. Kami akan mempertimbangkan pendapat dan komen. Pemasaran produk dan perkhidmatan online ini telah direkabentuk dengan jelas dan mudah difahami. Walau bagaimanapun, jika anda kurang yakin, tidak jelas atau memerlukan maklumat lebih terperinci tentang produk atau perkhidmatan yang berkaitan, anda boleh menghubungi kami di Bank OCBC 1300-1388 - 5000 / OCBC Al-Amin 1300-88-0310 atau memberikan cadangan anda dengan mengakses butang "Hubungi Kami" di halaman web kami.

(Dikemaskini pada tarikh 1 Disember 2008)